

# Dulu pelajar terbaik PSLE, kini bakal jadi doktor

BELIAU pernah menggegarkan negara apabila muncul sebagai pelajar terbaik Periksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) sekali gus memecahkan rekod agregat tertinggi Singapura – 294 – pada 2007.

Dalam usia semuda itu, beliau sudah mula menanam hasrat menjadi seorang doktor.

Ia terus membakar semangat Cik Natasha Nabila Muhammad Nasir, 24 tahun, untuk memburunya sehingga ke hari ini.

Maka itu, meskipun baru sahaja tamat pengajian Sarjana Muda (Kepujian) Sains Hayat dengan pengkhususan dalam Sains Bioperubatan di Universiti Nasional Singapura (NUS), tahun lalu, Cik Natasha

masih mahu merealisasikan impian awalnya.

Kini, Cik Natasha melanjutkan pengajian di Sekolah Perubatan Duke-NUS untuk tempoh empat tahun lagi.

Cik Natasha yang berminat menjadi pakar pediatrik berkata:

“Saya memang gemar dengan kanak-kanak jadi saya bertekad untuk terus mengejar impian saya agar satu hari nanti dapat menyumbang ke arah memperbaiki dan mempertingkatkan tahap jagaan kesihatan kanak-kanak.”

---

## Laporan lanjut

– Muka surat 16



**INGIN MENYUMBANG:** Cik Natasha Nabila (*kanan*) mahu memperbaiki dan mempertingkat tahap penjagaan kesihatan kanak-kanak dengan menjadi pakar pediatrik. (*Gambar sisipan*) Sejurus selepas pengumuman keputusan cemerlang dalam PSLE. – Foto BH oleh SHINTARO TAY, fail

Source: Berita Harian, p16  
Date: 3 August 2019

# Doktor cetus inspirasi Natasha ceburi bidang pediatrik



**KEJAR IMPIAN:** Cik Natasha Nabila Muhammad Nasir mahu terus mengejar cita-citanya menjadi seorang doktor dengan mengikuti pengajian di Sekolah Perubatan Duke-NUS. — Foto BH oleh SHINTARO TAY

**MURID MELAYU MUNCUL TERBAIK**

Pelajar Sekolah Rendah Si Hilda's catat rekod baru dengan agregat 294

**PELAJAR CEMERLANG PSLE 2007:** Muka depan akhbar Berita Harian yang melaporkan Natasha Nabila sebagai pelajar terbaik PSLE dengan agregat 294 pada 2007. — Foto fail

**SHAHIDA SARHID**  
sshahida@sph.com.sg

SEMASA usianya sekitar tiga tahun, Natasha Nabila Muhammad Nasir masih teringat beliau sering perlu berjumput doktor kerana dijangkiti virus mikroplasma.

Ketika itu, beliau masih ingat lagi rasa gelisah yang dihadapinya setiap kali menjajakkan kaki ke klinik.

Tetapi pendekatan dan layanan mesra yang diberikan oleh Dr Loke — seorang doktor yang merawatnya — banyak memberi anak sulung dua beradik ini ketenangan.

Secara tidak langsung, ia memberinya inspirasi dan memupuk minatnya untuk menceburi bidang perubatan khususnya sebagai pakar pediatrik.

Beberapa tahun kemudian, Cik Natasha kini dalam perjalanan untuk mengejar cita-citanya.

Cik Natasha yang telah memecahkan rekod Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) dengan meraih agregat tertinggi 294 pada 2007, sekarang ini sedang mengikuti pengajian di Sekolah Perubatan Duke-Universiti Nasional Singapura (NUS).

Beliau adalah antara 83 siswa dan siswi cohort ke-13 sekolah tersebut.

Majlis Kot Putih telah diadakan bagi cohort terbaru itu di Auditorium SingHealth Academia, malam semalam.

Dalam kalangan mereka, 17 merupakan pemegang ijazah sarjana sementara dua lagi pemegang ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Di akhir pengajian selama empat tahun di Sekolah Perubatan Duke-NUS ini, pelajar akan meraih sarjana Doktor Perubatan (Doctor of Medicine — MD) sebelum

mengikuti program residency pula.

Ini merupakan ijazah kedua yang ingin diburunya.

Tahun lalu, anak muda berusia 24 tahun itu baru sahaja meraih ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Hayat dengan pengkhususan Sains Bioperubatan di NUS.

Meskipun laluan yang diikutinya lebih panjang, Cik Natasha, yang mengikuti Program Bersepadu (IP) di Sekolah Perempuan Raffles sebelum ini berkata, ia tidak sedikit pun mematahkan semangatnya.

Enggan menjelaskan lebih lanjut, Cik Natasha berkata kurikulum pengajiannya sekarang telah memberinya perspektif berbeza berhubung dunia perubatan.

"Sebagai pelajar di Duke-NUS, kami lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran kami sendiri. Pelbagai perbincangan, kolaborasi dan melakukan kerja bersama secara berkumpulan kerap dijalankan."

"Saya juga dapat meraih manfaat daripada pelbagai latar belakang pelajar lain dalam cohort ini," katanya.

Dalam kenyataan Sekolah Perubatan Duke-NUS, Naib Dekan Pendidikan Duke-NUS, Profesor Ian Curran, melahirkan rasa yakinnya bahawa kepelbagaian latar belakang pelajar itu akan menyuntik nilai unik dalam ekosistem penjagaan kesihatan.

"Kita akan terus memupuk *clinical* berkualiti tinggi yang akan berkhidmat untuk keperluan rakyat Singapura dengan belas kasihan dan cemerlang," ujarnya.

Meskipun akur tentang cabaran yang bakal dilalui, Cik Natasha yang cenderung terhadap kanak-kanak dan pernah menjadi sukarelawan di Persekutuan Palsi Serebrum Singapura (CPAS), tetap positif mahu menjadikan impianinya satu kenyataan.

"Sokongan kukuh ibu bapa saya sering membakar semangat untuk saya terus memburu cita-cita," ujarnya.

Ibu Cik Natasha, Cik Zaharah Othman, 55 tahun, seorang suri rumah, manakala bapanya, Encik Muhammad Nasir Atan, 59 tahun, merupakan juru teknisyen di Singapore Airlines (SIA).

"Ada teman yang mempersoal keputusan saya meneruskan pelajaran empat tahun lagi selepas tamat pengajian tahun lalu.

"Bagi saya, saya tidak akan berhenti sehingga saya mencapai impian saya walaupun perjalanan pelajar perubatan ini ada kalanya berliku dan mencabar.

"Saya ingin membantu merawat kanak-kanak yang sakit selain menenangkan rasa gelisah yang mungkin mereka hadapi sebagaimana saya dulu," katanya.